

PENGHASILAN MODUL  
PEMBELAJARAN KENDIRI (MPK) UNTUK  
MATA PELAJARAN KAEDAH MEMBATIK

NOORHATI BINTI ABD. KADIR

Projek Sarjana ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2003

**Buat Yang Teristimewa,**

Semua Ahli Keluarga

Tuan Haji Ali Bin Suradin

Sahabat dan Rakan-rakan Seperjuangan

Semua Pensyarah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang.  
Assalamualaikum...

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi di atas izinnya telah memberi peluang kepada saya untuk menyiapkan projek sarjana ini dengan baik dan sempurna. Dengan ini, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, Tuan Haji Ali Bin Suradin selaku penasihat yang telah banyak membimbing, dan panduan yang diberikan kepada saya. Segala bantuan dan nasihat akan sentiasa dihargai dan diingati.

Kepada para panel VIVA, Dr. Maizam Bt Alias dan En. Akbal Bin Abdullah atas tunjuk ajar yang dihulurkan. Semua pelajar semester enam Diploma Rekaan Fesyen dan Pakaian, Politeknik Johor Bahru kerana memberi kerjasama yang padu serta peluang untuk menyempurnakan projek sarjana ini amat dihargai.

Kepada keluarga tersayang, rakan-rakan seperjuangan serta kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek sarjana ini. Semoga segala jasa kalian hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat penghasilan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi mata pelajaran Kaedah Membatik. MPK yang dibina adalah berbentuk *compact disk* (CD) dan menggunakan perisian Microsoft Power Point 2000. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sama ada aspek isi pelajaran modul dan persembahan pengajaran yang menarik dapat memudahkan proses pembelajaran pelajar. Di samping itu, kajian ini juga akan melihat sama ada penghasilan MPK dapat meningkatkan motivasi para pelajar terhadap proses pembelajaran pelajar. Responden kajian ini terdiri daripada 34 orang pelajar semester enam Diploma Rekaan Fesyen Dan Pakaian, Politeknik Johor Bahru. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis menggunakan pakej perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) versi 11.0 bagi mendapatkan peratusan dan skor min. Dapatan kajian ini menunjukkan isi pelajaran MPK yang dihasilkan dapat membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar, disamping mempunyai elemen persembahan pengajaran yang menarik. Hasil kajian juga mendapati bahawa penghasilan MPK dapat mempertingkatkan motivasi pelajar terhadap proses pembelajaran. Semua hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah. Cadangan-cadangan diberikan untuk menunjukkan bagaimana MPK boleh dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien dalam usaha membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar.

## ABSTRACT

This study identifies the appropriateness the Kaedah Membatik self-learning module. The self-learning module was developed in the compact disc (CD) format using the Microsoft Power Point 2000 application. The objective of this study is to find out whether the contents and the presentation of self-learning module can facilitate the students learning process. Besides that, this study is also to find out whether the development of self-learning module will increase the student motivation towards their learning process. There are 34 students of semester six, Diploma Rekaan Fesyen Dan Pakaian, Politeknik Johor Bahru were selected as respondents. All data were gathered and analyzed using the SPSS Packages Version 11.0 in order to obtain percentages and min score. The results of this study showed that the contents of self-learning module can facilitate the students learning process, besides having the interesting presentation elements. The findings also showed that the self-learning module increases the students motivation towards their learning process. The results of this study were described in the form of tables and graphs. In the light of these findings, it was suggested that the application of self-learning module can be applied effectively and efficiently in order to assist and facilitate the students learning process.

**KANDUNGAN****BAB PERKARA****MUKA SURAT****PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA****PENGESAHAN PENYELIA****HALAMAN JUDUL****HALAMAN PENGAKUAN**

ii

**HALAMAN DEDIKASI**

iii

**HALAMAN PENGHARGAAN**

iv

**ABSTRAK**

v

**ABSTRACT**

vi

**HALAMAN KANDUNGAN**

vii

**HALAMAN SENARAI JADUAL**

xv

**HALAMAN SENARAI RAJAH**

xvi

**HALAMAN SENARAI SINGKATAN**

xvii

**HALAMAN SENARAI LAMPIRAN**

xviii



**BAB 1            PENDAHULUAN**

1.0	Pendahuluan	
1.1	Latar Belakang Masalah	3
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Tujuan Kajian	7
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Kerangka Teori	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Definisi Konseptual Pengoperasian	12
1.9.1	Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)	12
1.9.2	Mata Pelajaran Kaedah Membatik	14
1.9.3	Persembahan Pengajaran	14
1.9.4	Motivasi	15



**BAB 2            SOROTAN PENULISAN**

2.0	Pendahuluan	
2.1	Pengajaran Individu	16
2.2	Gaya Pembelajaran	18
2.3	Pembelajaran Bermodul	20
2.4	Tujuan Pengajaran Bermodul	21
2.5	Konsep Pembelajaran Bermodul	23
2.6	Kebaikan Pengajaran Bermodul Kepada Pelajar	23
2.7	Kebaikan Pengajaran Bermodul Kepada Pensyarah	25
2.8	Kaedah Belajar	26
2.9	Motivasi Belajar	29
2.10	Elemen Persembahan Pengajaran Dalam Pendidikan	30
2.11	Unsur-Unsur Penting Di Dalam Elemen Grafik	31
2.12	Pembelajaran Berbantu Komputer (PBK)	32
2.13	Penggunaan Teknologi Dan Media Dalam Pengajaran Bermodul	35
2.14	Sejarah Seni Tekstil Di Malaysia	38
2.15	Kaedah Membatik	38
2.16	Kesimpulan	40





**BAB 3           METODOLOGI**

3.0	Pendahuluan	
3.1	Rekabentuk Kajian	42
3.2	Persempelan	42
3.3	Sumber Data	44
3.4	Instrumen Kajian	45
	3.4.1 Bahagian A	
	3.4.2 Bahagian B	
	3.4.3 Bahagian C	
	3.4.4 Bahagian D	
3.5	Prosedur Kajian	48
3.6	Prosedur Analisis Data	49
	3.6.1 Bahagian A (Maklumat Responden)	
	3.6.2 Bahagian B, C, D	
3.7	Kajian Rintis	52
3.8	Andaian	54
3.9	Batasan Kajian	54



PT TANA LUTHM  
PERUSAHAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.0	Pendahuluan	
4.1	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	56
4.1.1	Bahagian Utama Dalam Model Klingstedt (1972)	57
4.1.1.1	Objektif	
4.1.1.2	Pra-ujian	
4.1.1.3	Rasional	
4.1.1.4	Isi Pelajaran	
4.1.1.5	Ujian Selepas	
4.2	Rekabentuk Produk	59
4.2.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	59
4.2.1.1	Isi Kandungan Pelajaran	
4.2.1.2	Persembahan Pengajaran	
4.2.1.3	Meningkatkan Motivasi Pelajar	
4.2.2	Kronologi Pembinaan Produk	62
4.2.3	Permasalahan Dalam Pembinaan Modul	63
4.2.4	Masa Penghasilan MPK	63
4.2.5	Dokumentasi Produk	63
4.3	Penilaian Produk	64
4.3.1	Pemilihan dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	64
4.3.2	Pemilihan Subjek \ Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk	65
4.3.3	Fokus Penilaian	65
4.3.4	Cadangan Pembaikan	66



PTT ALU THM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

**BAB V ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

5.0	Pendahuluan	
5.1	Analisis Bahagian A-Profil Responden	68
5.1.1	Jantina Responden	68
5.1.2	Bangsa Responden	70
5.1.3	Kelulusan Akademik Tertinggi Responden	71
5.1.4	Pembelajaran Bermodul	72
5.2	Analisis Bahagian B, C, dan D- Persoalan Kajian 1, 2, dan 3	73
5.2.1	Analisis MPK Yang Dihasilkan Mempunyai Isi Kandungan Pelajaran Yang Baik Bagi Membantu Memudahkan Proses Pembelajaran Pelajar	74
5.2.2	Analisis MPK Yang Dihasilkan Mengandungi Persembahan Pengajaran Yang Menarik Bagi Membantu Memudahkan Proses Pembelajaran Pelajar	77
5.2.3	Analisis MPK Yang Dihasilkan dapat Mempertingkatkan Motivasi Pelajar Terhadap Proses Pembelajaran	80

**BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.0	Pendahuluan	
6.1	Perbincangan	84
6.1.1	Menghasilkan MPK Yang Mempunyai Isi Kandungan Pelajaran Yang Baik Dalam Membantu Memudahkan Proses Pembelajaran Pelajar	84
6.1.2	Menghasilkan MPK Yang Mempunyai Persembahan Pengajaran Yang Menarik Bagi Membantu Memudahkan Proses Pembelajaran Pelajar	87
6.1.3	Menghasilkan MPK Yang dapat Mempertingkatkan Motivasi Pelajar Terhadap Proses Pembelajaran	89
6.2	Kesimpulan	91
6.3	Cadangan	94
6.4	Penutup	95



PTTA  
PERSATUAN TUNKU AMINAH

**BIBLIOGRAFI**

96

**LAMPIRAN A-N**

103



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala likert	45
3.2	Jenis-jenis soalan dalam soal selidik	48
3.6	Tafsiran skor min	51
3.7	Keputusan kajian rintis bagi <i>Alpha Cronbach</i> untuk setiap bahagian	53
5.1	Bilangan responden mengikut jantina	68
5.2	Jumlah responden mengikut bangsa	70
5.3	Jumlah kelulusan akademik tertinggi responden	71
5.4	Jumlah responden yang mengikuti pembelajaran bermodul	72
5.5	Penggunaan skala likert dalam soal selidik	73
5.6	Tafsiran skor min	73
5.7	Jadual analisis bilangan, peratusan, min dan min keseluruhan responden bagi aspek isi kandungan pelajaran	74
5.8	Jadual analisis bilangan, peratusan, min dan min keseluruhan responden bagi aspek persembahan pengajaran	77
5.9	Jadual analisis bilangan, peratusan, min dan min keseluruhan responden bagi aspek motivasi	80

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta aliran kerangka teori	9
4.1	Rangka kerja operasi penyediaan modul pembelajaran sendiri	62
5.1	Taburan responden mengikut jantina	69
5.2	Taburan responden mengikut bangsa	70
5.3	Taburan responden mengikut kelulusan akademik tertinggi	71
5.4	Taburan responden yang mengikuti pembelajaran bermodul	72
5.5	Analisis min untuk setiap item bagi aspek isi kandungan MPK	76
5.6	Analisis min bagi setiap item untuk aspek persembahan pengajaran	79
5.7	Analisis min bagi setiap item untuk aspek motivasi	82

**SENARAI SINGKATAN**

<b>ABBM</b>	Alat Bahan Bantu Mengajar
<b>CD</b>	<i>Compact Disk</i>
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>MPK</b>	Modul Pembelajaran Kendiri
<b>PBK</b>	Pembelajaran Berbantu Komputer
<b>PI</b>	Pengajaran Individu
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>SPSS 11.0</b>	<i>Statistical Package For Social Science Series 11.0</i>



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	103
B	Rajah penentuan sampel secara rawak	108
C	Kebolehpercayaan ( <i>Alpha Cronbach</i> )	109
D	Kajian rintis persoalan kajian 1,2 dan 3	110
E	Maklumat responden (Jantina)	113
F	Maklumat responden (Bangsa)	114
G	Maklumat responden (Kelulusan Akademik)	115
H	Maklumat responden (Pembelajaran Bermodul)	116
I	Analisis Bilangan dan Peratusan-Persoalan kajian 1	117
J	Analisis Bilangan dan Peratusan-Persoalan kajian 2	120
K	Analisis Bilangan dan Peratusan-Persoalan kajian 3	123
L	Analisis Skor Min (persoalan kajian 1)	126
M	Analisis Skor Min (persoalan kajian 2)	127
N	Analisis Skor Min (persoalan kajian 3)	128

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Sudah menjadi lumrah setiap insan sukakan sesuatu yang indah dan cantik. Setiap insan juga secara tidak disedari mempunyai deria untuk memilih dan tidak pernah pula sesuatu yang dipilih itu tidak cantik. Sesuatu yang indah itu mempunyai seninya tersendiri dan seni yang paling indah ialah hanya yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. dan kita, tanpa disedari memang diselubungi oleh seni yang indah itu dalam kehidupan seharian kita.

Memang tidak pernah terfikir bahawa nenek moyang dahulu telah memahami dan menghayati seni yang dihasilkan oleh mereka ternukil dari deria kreativiti serta bakat semula jadi yang dianugerahkan oleh Tuhan Yang Maha Kuasa. Seni batik sejak turun temurun di rantau ini memang sentiasa diberi perhatian oleh pencinta seni batik. Kehalusan dan keunikan reka bentuk yang diilhamkan melalui ide dari alam semesta merupakan satu hasil kreatif yang akan menjadi khazanah seni yang tidak ternilai.

Dalam zaman sains dan teknologi ini pelbagai kemajuan telah dinikmati oleh manusia. Namun begitu seni fabrik tradisional tetap diamalkan oleh penduduk tempatan khususnya. Seiring dengan kepesatan dunia kini peranan seorang pereka semakin mendapat persaingan hebat dari dalam dan luar negara. Oleh itu usaha untuk melahirkan graduan-graduan pereka, perancangan dan persediaan awal perlu dititikberatkan. Ilmu pengetahuan yang mendalam perlu tersemat di dalam minda pelajar itu sendiri dan mampu untuk diaplikasikan apabila diperlukan kelak bagi menghasilkan pelbagai rekaan yang benar-benar berkualiti serta kreatif.

Pelajar yang telah memilih dunia rekaan ini sebagai kerjaya kelak perlu memiliki kemahiran berfikir, kreativiti, menganalisis rekaan, memperkembangkan idea yang sedia ada, serta mampu menghasilkan rekaan fabrik batik yang benar-benar berkualiti berdasarkan pengetahuan yang telah dimiliki.

Menutup dan menghias tubuh manusia adalah merupakan satu gabungan teknik dan seni yang mendorong pelajar menceburi diri dalam pelbagai usaha kreatif agar sentiasa kelihatan menarik, bergaya, selesa dan sesuai dengan cita rasa budaya dan bangsa. Oleh itu pengolahan tekstil baik dari segi teknik mahupun seni rekanya merupakan satu bidang usaha yang amat bermakna.

Dalam usaha memulihkan kembali kraftangan tradisi lama, kaedah membatik merupakan salah satu subjek yang diberi penekanan khususnya kepada pelajar-pelajar Diploma Rekaan Fesyen dan Pakaian ini. Kursus ini ditawarkan di Politeknik Johor Bahru dan tempoh pengajian selama tiga tahun.

Kaedah membatik adalah untuk menghasilkan batik tulis yang terdiri daripada bermacam-macam teknik yang boleh digunakan oleh pelajar untuk mengeluarkan atau

menghasilkan corak-corak batik yang bermutu. Pelajar Diploma Rekaan Fesyen dan Pakaian perlu memberi perhatian bahawa sistem pengeluaran yang tersusun dan penggunaan teknik-teknik akan menghasilkan rekaan batik yang baik.

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Menurut Zaharah Ahmad Osman (1996), karya batik pelajar kini sama ada pada fabrik atau di atas catan tidak begitu menunjukkan kualiti dari aspek penghasilannya. Hal ini dilihat dari segi kualiti garisan lilin yang dihasilkan, dan penggunaan warna kurang sesuai. Selain daripada itu pelunturan kain batik setelah dicuci sedikit sebanyak akan memudahkan warna kain batik yang dihasilkan.

Permasalahan penghasilan karya batik pelajar yang kurang berkualiti adalah rentetan daripada salah satu faktor kurangnya ilmu pelajar di dalam menghasilkannya. Pelajar kurang membaca teori-teori bagaimana untuk menghasilkan sesuatu karya batik yang mengikut prosedur sebenar. Pelajar hanya mengharap penerangan daripada pensyarah di dalam bengkel atau kelas, kerana pada masa yang sama pelajar berhadapan dengan masalah kurangnya bahan rujukan mengenai pelajaran kaedah membatik ini.

Dalam permasalahan ini, penyelidik telah menempuhi pengalaman lepas sebagai seorang pelajar yang juga mengalami masalah yang serupa dalam usaha mendapatkan sumber rujukan yang lebih terperinci mengenai kaedah membatik.

Rosmawati Ghazali (1998), menyatakan bahawa, proses menghasilkan batik adalah lebih kepada cara praktikal, walau bagaimanapun perlu juga buku-buku sebagai sumber yang boleh memberi penerangan kepada pelajar untuk pengetahuan asas sebelum membuat karya batik yang sebenar.

Pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam kursus Diploma Rekaan Fesyen dan Pakaian, kebanyakannya mempunyai kebolehan yang berlainan kerana mereka hadir dengan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada mata pelajaran lukisan yang berbeza-beza. Terdapat pelajar yang mendapat kredit dengan baik dan tidak kurang juga yang mempunyai keputusan setakat lulus sahaja. Senario di atas menyebabkan pelajar yang lemah dalam mata pelajaran lukisan mengalami kesukaran dan sudah tentu kadar pemahaman mereka lebih lambat. Menurut Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1993), antara faktor yang mengakibatkan pencapaian yang berbeza ialah dari aspek minat terhadap mata pelajaran, latar belakang, gaya belajar, nilai, motivasi dan lain-lain. Bagi melanjutkan pelajaran di dalam kursus Rekaan Fesyen dan Pakaian, pelajar perlu memiliki daya kreativiti yang tinggi untuk menghasilkan rekaan batik yang baik. Kreativiti dan bakat semulajadi yang ada pada setiap pelajar perlulah diperluaskan dan digunakan sebaiknya. Ia juga sebagai langkah untuk memperkembangkan minda mereka terhadap sesuatu rekaan baru.

Kenyataan di atas sebenarnya boleh diperbaiki oleh pensyarah itu sendiri akibat daripada wujudnya perbezaan tahap kefahaman di kalangan pelajar. Oleh yang demikian pembinaan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) dapat menyelesaikan permasalahan ini, Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1990), mengatakan bahawa dengan menggunakan MPK dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat mengatasi permasalahan yang dihadapi. Penggunaan MPK akan memberikan para pelajar sedikit ruang kebebasan untuk meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan cara masing-masing dalam menyudahkan aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam MPK berkenaan agar bahan pembelajaran tersebut boleh dikuasai dengan baik.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Shahrom Nordin (1993), menyatakan salah satu cara yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah dengan mengindividukan pengajaran menerusi pengubahsuaian dan kepelbagaian. Pengubahsuaian yang dimaksudkan ialah aktiviti pembelajaran yang diparadigmakan mengikut kesesuaian pelajar, sementara kepelbagaian adalah dari aspek sumber bahan rujukan yang boleh digunakan oleh pelajar dan pensyarah.

Terdapat dua jenis pengajaran individu iaitu pengajaran menggunakan modul dan pengajaran terancang (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1986). Pengajaran individu ialah apa jua penyediaan yang membolehkan setiap pelajar bergiat belajar pada setiap masa mengenai perkara-perkara yang didapatinya bernilai kepada dirinya sebagai seorang individu.

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh diguna pakai untuk mencapai pembelajaran yang berkesan di kalangan pelajar. Penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) dipercayai dapat mencapai pembelajaran yang lebih bermakna kepada pelajar-pelajar. Permasalahan yang muncul kini adalah disebabkan kurangnya bahan-bahan rujukan untuk kegunaan pembelajaran para pelajar. Sumber rujukan yang tidak mencukupi telah merumitkan proses pembelajaran pelajar serta mengganggu tugas-tugas pelajar untuk mengulangkaji pelajaran dan membuat tugas seperti mana yang diarahkan oleh pensyarah. Apabila hal ini berlanjutan telah mengakibatkan merosotnya keputusan peperiksaan para pelajar serta boleh mengurangkan motivasi dalam diri pelajar itu sendiri untuk meneruskan pelajaran.

Namun begitu aspek pengayaan bahan rujukan adalah terhad untuk diperolehi malah menjadi rebutan di kalangan pelajar. Buku-buku rujukan yang berkaitan dengan kaedah membatik amat terhad di pasaran kerana kebanyakannya adalah naskah buku yang diimport dari negara barat.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik di Politeknik Johor Bahru, penggunaan MPK adalah di dalam proses perbincangan lagi. Ini bermaksud sebelum ini belum terdapat penggunaan MPK di kalangan pelajar-pelajar untuk belajar secara individu. Penghasilan MPK di dalam kajian ini adalah sebagai rujukan kepada para pelajar dan MPK yang dihasilkan adalah di dalam bentuk Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK). Penggunaan (PBK) adalah sebagai alat untuk mendorong minat pelajar-pelajar untuk meneruskan pembelajaran. Kaedah pembelajaran berbentuk tradisional yang diamalkan sebelum ini kurang menarik perhatian pelajar yang boleh memberi kesan pencapaian yang rendah di dalam setiap penilaian.

Dengan pembinaan MPK ini telah dapat membantu pelajar dalam mengulangkaji pelajaran, memahami dengan mudah isi pelajaran yang disampaikan dalam modul yang dihasilkan. MPK yang dapat menarik perhatian pelajar adalah baik untuk memotivasikan pelajar itu sendiri. Menurut Zaleha Zainudin (1996), penerapan persembahan pengajaran yang menarik di dalam sesuatu modul atau projek dapat menyampaikan sesuatu mesej itu dengan jelas, terang dan nyata. Matlamat yang ingin disampaikan akan mudah diterima oleh pelajar serta mudah difahami.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah untuk menghasilkan, apakah penggunaan MPK berbantuan komputer boleh memudahkan proses pembelajaran pelajar Diploma Rekaan Fesyen dan Pakaian semester enam dalam mata pelajaran Kaedah Membatik.

### 1.3 Tujuan Kajian

Dalam konteks pendidikan, amalan pengajaran yang berkesan merupakan satu proses yang melibatkan pengetahuan isi kandungan dan kepakaran pedagogi. Sungguhpun bergitu terdapat bidang ilmu yang luas untuk membantu kita menjayakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan berkesan serta amalan-amalan yang terbukti (Edmons, 1982).

Dalam kajian ini satu modul pembelajaran sendiri dihasilkan bertujuan untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran kaedah membuat. Untuk mencapai tujuan ini, kajian akan menumpukan kepada aspek pedagogi.

### 1.4 Persoalan Kajian

- i. Adakah MPK yang dihasilkan mempunyai isi kandungan pelajaran yang baik dalam membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar?
- ii. Adakah MPK yang dihasilkan mengandungi persembahan pengajaran yang menarik bagi membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar?
- iii. Adakah MPK yang dihasilkan dapat mempertingkatkan motivasi pelajar terhadap proses pembelajaran?



## BIBLIOGRAFI

Ahmad Esa (2001). "Etika Profesional dalam Pengurusan Usahawan : Satu Analisis Lapangan Kertas Kerja". Dlm. Seminar Kebangsaan Sosioekonomi dan IT.

Ahmad Ghazie Ibrahim (2001). "Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Batik Dahulu Kini dan Masa Hadapan." *Jurnal Pendidikan Seni Visual*. **Jld 1**. 69-73.

Babbie, E. (1990). "The Practice Of Social Research." 3 ed. California: Wadsworth Publishing Company. 10-12.

Baharudin Aris, Noraffandy Yahya, Jamaludin Hj. Harun dan Zaidatun Tasir (2000). "Teknologi Pendidikan: dari yang Tradisi Kepada Yang Terkini." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 23-28.

Baharuddin Aris, Manimegalai Subramaniam dan Rio Sumarni Shariffuddin (2001). "Modul Pengajaran : Reka Bentuk Perisian Multimedia". Skudai : Universiti Teknologi Malaysia. 12-15.

Brown, Lewis, Richard B. , Harclerod, Fred F. (1977). "An Instruction : Teknologi Media." Maxico: Mc Graw-Hill. 11-12.

Cohen, L. and Manion, L. (1985). "Research Methods In Education." London: Croom-Helm. 3-9.

Collette, A.T. and Chiappetta, E.L. (1984). "Science Instruction In The Middle And Secondary Schools." St. Louis, Toronto, Santa Clara: Time Mirror Mosby College Publishing. 8.

Edmonds, R. (1982). "Programmers Of School Improvement: An Overview".  
*Educational Leadership*, 40.3 : 4-11.

Ee Ah Meng (1993). "Pedagogi II- Amalan Dalam Bilik Darjah." Kuala Lumpur:  
Fajar Bakti Sdn Bhd. 14-24.

Ee Ah Meng (1997). "Psikologi Pendidikan I- Psikologi Perkembangan." Shah Alam:  
Fajar Bakti Sdn Bhd. 25-31.

Ee Ah Meng (1999). " Psikologi Pendidikan II." Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.  
26-35

Giam Kah How (2000). "Gaya Pembelajaran Dan Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran." *Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Seri Kota Kuala Lumpur*. **Jld 2.** (3). 59-65.

Gomez, J. (2000). "Gaya Pembelajaran: Satu Tinjauan Literatur." *Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Seri Kota Kuala Lumpur*. **Jld 2.** (3). 41-51.

Holland, J.G, (1979). "Teaching Machine." Ann Arbor : UCLA. 19.

Kamaruddin Hj. Husin (1997). "Psikologi Bilik Darjah Asas Pedagogi".

Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. 88-108.

Kiejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1981). "Determining Sample Size For Research Activities In Education And Psychological Measurement." Dalam: Isaac. S., and Micheal, W.D. "Handbook And Research And Evaluation." San Diego, California: Edit Publisher.

Klingsted, J.L. (1972). "Developing Instructional Modules For Individualised Instruction." *Educational Technology*. **Jld 11**. 13-20.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 25-33.

Mohamad Noh Bin Ahmad (2002). "Teknologi Kerangka Web (Web Template) Dalam Pembinaan Laman Web Pendidikan Kelas Maya (E-Classroom) Secara Online." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional. "Tidak diterbitkan"

Mohamad Nor Bin Mohamad Taib (2002). "Proses Pembinaan Soalselidik Kajian Dan Pentadbirannya." Siri Kolokium jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, 18 Julai.

Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 125-139.

Mok Soon Sang (2001). "Psikologi Pendidikan". Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd. 43-54.

Nessick, S. (1976). "An Associates Individuality In Learning." California: Josey Bass Inc. Publisher. 17.

Noraini Adnan (1997). "Pembentukan Modul Pengajaran Kendiri bagi Pelajar Tingkatan Empat- Fotosintesis." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Sains Pendidikan. "Tidak diterbitkan"

Omardin Ashaari (1999). "Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 18-19.

Percival, F. and Ellington, H. (1994). "Buku Panduan Teknologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 159-160.

Phil, L. (1967). "Programmed Instruction." NSEE 66 th Year Book, Part II. 17.

Raja Fuziah Raja Tun Uda (1993). "Seni Tekstil Malaysia: Satu Imbasan Kemodenan Berumbi Tradisi." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 94-95

Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2002). "Psikologi Pendidikan Pendekatan Kontemporari". Malaysia : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd. 59-71.

- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1996). 'Pengajaran Dalam Bilik Darjah: Kaedah Dan Strategi'. Kajang : Masa Enterprise. 51-59.
- Roojen, P.V (2001). "Batik Design." Singapore: The Pepin Press. 27
- Rosmawati Ghazali (1998). "Batik Malaysia- Dahulu dan Sekarang." Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd. 45-47.
- Saedah Siraj, Zainun Ishak, dan Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996). "Motivasi Dalam Pendidikan." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 44-56.
- Shaharom Noordin dan Yap, Kueh Chin (1990). "Mereka Bentuk dan Menilai Modul Pengajaran Kendiri (MPK)." *Jurnal Pendidikan Guru*. (8). 16-40.
- Shaharom Noordin dan Yap, Kueh Chin (1991). "Ke Arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul." *Jurnal Pendidikan Guru*. **Jld 7**. 89-107.
- Shaharom Noordin dan Yap, Kueh Chin (1993). "Modul Pengajaran Kendiri (MPK): Satu Inovasi Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran." *Jurnal Akademik Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka*. **Jld 3**. 1-9.

Shaharom Noordin (1996). "Pengajaran Individu Menggunakan Modul Pengajaran Kendiri Di Sekolah Menengah." *Jurnal Akademik Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka*. **Jld 6**. 1-15.

Shaharom Noordin dan Yap, Kueh Chin (1992). "Pengindividuan Pengajaran dan Pembelajaran Menerusi Pengajaran bermodul." 'Kertas Kerja Dibentangkan Di Asia Pacific Educational Technology Convention 1992.' Universiti Sains Malaysia, 25-28 Jun.

Shaharom Noordin (1994). "Penghasilan dan Penilaian Keberkesanan Modul Pengajaran Kendiri Fizik Di Kalangan Pelajar Berbeza Kebolehan dan Jantina Pada Peringkat Tingkatan Empat." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ph.D. "Tidak diterbitkan"

Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). "Ilmu Pendidikan : Pedagogi." Kuala Lumpur: HEINEMANN (MALAYSIA) SDN. BHD. 128-136.

Solihin Osman (1996). "Grafik Dalam Pendidikan: Kesalahan dan Pembetulan." *Jurnal Institut Perguruan Darulaman IPDA*. **Jld 2**. 25-31.

Syed Zulfilda S.M. Noor (1993). "Rekacorak Tekstil Malaysia Dulu dan Kini." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 114-116.

Tengku Mohd Azman Shariffadeen (1991). "Information Technology and Education The Emerging Malaysian Scenario." Simposium Kebangsaan Komputer Dalam Pendidikan , Universiti Pertanian Malaysia, 19-21 November.

Thorwald, E. (1974). "Independent Study In Science In J.D. Russell Modular Instructions." Minneapolis, Minnesota: Burgess Publishing Company.15.

Wiersma, M. (1995). "Research Method In Education : An Introduction 6 th Edition." Needhem Heights : Allyn and Bacon.

Yusup Hashim (1998). "Teknologi Pengajaran". Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd. 285-291.

Zaharah Ahmad Osman (1996). "Pendekatan Kontemporari Reka Corak Tekstil Tradisional Melayu." Shah Alam: Oriental Bank Berhad. 89-95.

Zaleha Zainudin (1996). "Pendekatan Grafik Dalam Rekaan." Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd. 19.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH